



GARIS PANDUAN PERKHIDMATAN HPC

Syarat-syarat Penggunaan Perkhidmatan HPC

1. Penggunaan Sistem Operasi

Penggunaan sistem operasi yang dibenarkan dalam perkhidmatan server HPC adalah terhad kepada Linux, Slurm, dan Ubuntu sahaja. Penggunaan sistem operasi selain daripada yang dinyatakan adalah tidak dibenarkan.

2. Akses dan Penggunaan

Pengguna dibenarkan mengakses dan menggunakan perkhidmatan HPC hanya untuk tujuan yang telah ditentukan dan dipersetujui. Sebarang penggunaan yang melanggar undang-undang atau tidak mematuhi syarat perkhidmatan adalah dilarang.

3. Keselamatan Akaun

Pengguna bertanggungjawab menjaga keselamatan akaun masing-masing. Pengguna hendaklah melindungi kata laluan dan maklumat peribadi daripada akses yang tidak sah, iaitu tidak dibenarkan untuk berkongsi kata laluan serta nama pengguna (username) yang diberi kepada mana-mana pihak ketiga.

4. Penyimpanan Data dan Privasi

- Data yang disimpan di dalam sistem HPC mestilah dilindungi dan tidak boleh digunakan atau dikongsi tanpa kebenaran yang sah. Pihak kami akan memastikan privasi data, namun pengguna juga bertanggungjawab memastikan data yang dimuat naik tidak melanggar hak pihak ketiga.
- Pengguna bertanggungjawab untuk membuat sandaran terhadap semua kerja-kerja didalam storan peribadi bagi tujuan keselamatan dan pengguna perlu membersihkan data-data didalam server HPC pada setiap dua (2) bulan selepas kerja diselesaikan.
- Pengguna tidak dibenarkan meninggalkan sebarang sisa pemprosesan data yang belum selesai dan pengguna perlu membersihkan semua proses yang tersisa.

5. Pemasangan perisian

Pengguna tidak dibenarkan memasang sebarang perisian yang akan merosakkan mesin/server HPC.

6. Kepatuhan terhadap Garis Panduan

Dengan menggunakan perkhidmatan HPC, pengguna bersetuju untuk mematuhi semua syarat dan garis panduan yang ditetapkan. Kegagalan untuk mematuhi boleh mengakibatkan penggantungan atau penamatan akses kepada perkhidmatan.

7. Tanggungjawab Pengguna

Pengguna bertanggungjawab ke atas sebarang tindakan yang dilakukan semasa menggunakan perkhidmatan HPC. Sebarang aktiviti yang melanggar peraturan akan ditindak tegas oleh pihak pengurusan.

Garis panduan ini adalah untuk memastikan kelancaran dan keselamatan penggunaan perkhidmatan HPC untuk semua pihak.

GUIDELINES OF HPC SERVICES

Terms of Use for HPC Services

1. Operating System Usage

The operating systems permitted for use on the HPC server services are limited to Linux, Slurm, and Ubuntu only. The use of operating systems other than those specified is not allowed.

2. Access and Usage

Users are permitted to access and use HPC services only for the specified and agreed-upon purposes. Any use that violates the law or does not comply with the terms of service is prohibited.

3. Account Security

Users are responsible for maintaining the security of their accounts. Users must protect their passwords and personal information from unauthorized access, meaning it is not allowed to share passwords or usernames with any third party.

4. Data Storage and Privacy

- Data stored on the HPC system must be protected and cannot be used or shared without proper authorization. We will ensure data privacy, but users are also responsible for ensuring that the data uploaded does not infringe on the rights of third parties.
- Users are responsible for backing up all work in personal storage for safety purposes, and they are required to clean up their data on the HPC server every two (2) months after completing tasks.
- Users are not allowed to leave unfinished data processing tasks, and all remaining processes must be cleaned up.

5. Software Installation

Users are not allowed to install any software that could damage the HPC machine/server.

6. Compliance with Guidelines

By using the HPC services, users agree to comply with all the terms and guidelines set forth. Failure to comply may result in suspension or termination of access to the services.

7. User Responsibility

Users are responsible for any actions taken while using the HPC services. Any activities that violate the rules will be dealt with strictly by the management.

These guidelines are intended to ensure smooth and secure use of HPC services for all parties.